

28 NOV 1999

P/Raya-Sabah

BN MENDAHULUI DI LABUAN DAN 12 KAWASAN DI SABAH

Oleh: Jackson Sawatan

KOTA KINABALU, 28 Nov (Bernama) -- Jika hanya ada satu perkataan untuk menerangkan trend mengundi di Sabah dalam pilihan raya umum esok, ia tidak lebih daripada perkataan "kesinambungan".

Barisan Nasional (BN) dengan jelas berada di hadapan di sekurang-kurangnya 12 daripada 20 kerusi Parlimen di Sabah dan juga dikatakan akan mengekalkan Labuan. Sabah hanya menyaksikan pilihan raya Parlimen esok kerana pilihan raya Dewan Undangan Negeri (DUN) telah diadakan awal tahun ini.

Pada pilihan raya lepas, BN memenangi kerusi Labuan dan 10 daripada 20 kerusi Parlimen di Sabah dengan terdapat tanda-tanda yang parti pemerintah itu berjaya menembusi beberapa kubu kuat pembangkang kali ini.

BN menetapkan 16 kerusi untuk dimenangi di Sabah dan seterusnya menjadi penyumbang terbesar kepada kemenangan BN di seluruh negara.

Di Papar, Ketua Menteri Datuk Osu Sukam yang memenangi kerusi itu dengan majoriti 3,116-undi pada 1995, tidak akan dapat ditandingi oleh calon Parti Bersatu Sabah (PBS) Mohd Saidi Lampoh, seorang ahli politik veteran yang pernah menjadi anggota DUN dalam kerajaan Berjaya.

Di samping Osu, calon-calon lain BN yang dijangka akan menang semula ialah Datuk Salleh Tun Said (Kota Belud), Datuk Shafie Apdal (Semporna), Datuk Railey Jeffrey (Silam), Datuk Dr Yusof Yacob (Sipitang), Lau Ngan Siew (Sandakan) and Datuk Amirkahar Tun Mustapha (Marudu).

Bekas Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee juga menerima sokongan baik di sini dan dijangka mengekalkan Gaya dalam BN.

"Kawasan putih" lain bagi BN ialah Libaran, Kinabatangan, Tawau dan Beaufort.

Sejarah mungkin berulang jika Sandakan dengan majoriti penduduknya daripada masyarakat Cina mengundi bagi BN sekali lagi. Penyandangnya Lau Ngan Siew dari BN dicabar oleh Sak Cheong Yu (PBS) dan bekas anggota Parlimen DAP Fung Ket Wing, yang kini bersama Parti Demokratik Malaysia (MDP).

Sak dan Fung dikatakan mempunyai ramai penyokong dan perpecahan undi di kalangan penyokong-penyokong parti pembangkang nampaknya tidak dapat dielakkan.

Pertandingan sengit dijangka di Beluran, Kinabalu, Tuaran dan Tenom. BN dengan jentera yang lebih teratur mempunyai kelebihan di Kinabalu dan Tuaran, kedua-duanya kerusi Kadazandusun.

"Jika BN boleh mengekalkan momentum, BN mampu menawan Kinabalu dan Tuaran," kata seorang pemerhati.

Di Beluran, BN terpaksa bekerja keras walaupun ia muncul sebagai pemenang di situ pada 1995. Ini kerana pada pilihan raya negeri Mac lepas, PBS mendapat majoriti yang memuaskan di Labuk, satu daripada dua kerusi DUN di bawah Beluran, sementara BN memenangi Sugut, kerusi DUN yang satu lagi dengan majoriti yang kecil.

PBS nampak kuat dalam mengekalkan kubunya di Keningau, Bandau dan Penampang, yang kesemuanya kawasan Kadazandusun dan Tanjung Aru, sebuah kawasan Cina.

Para penganalisa berkata, jikapun BN menggugat PBS di mana-mana empat kawasan itu, ia mungkin di Penampang kerana peralihan besar sokongan kepada BN dan bilangan besar Bumiputera Islam dan pengundi Cina yang kebanyakannya menyokong BN.

"Kita akan menang sehingga 16 kerusi di Sabah dan mungkin

lebih...jikapun kita tidak menang di beberapa kawasan pembangkang, kita sudah tentunya akan mengurangkan majoriti mereka," kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

-- BERNAMA

JS PR